

## BAGAIMANA MENGHADAPI MUSIBAH

Musibah yang menimpa kita adalah merupakan suatu ujian dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah, selagi mana kita masih bernafas dan menjalani kehidupan diatas muka bumi ini, maka pasti kita akan diuji dengan musibah dan setiap daripada kita tidak akan lari daripada ujian dan musibah daripada Allah.

Antara musibah yang seringkali menimpa manusia ialah seperti banjir yang baru-baru ini melanda negeri Perlis, ribut, panas yang melampau, kehilangan atau kematian orang tersayang, wabak penyakit, kesusahan, kemiskinan dan sebagainya.

Semua ini adalah musibah yang telah disebutkan secara umum di dalam surah Al-Baqarah ayat 155-156 yang bermaksud ;

**“Demi sesungguhnya, kami akan menguji kamu dengan sedikit perasan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar iaitu apabila orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata : "sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”**

Didalam ayat ini, Allah s.w.t mengajarkan kita sentiasa bersabar diatas segala kesusahan dan musibah yang menimpa kita. Kesabaran kita akan terzhahir pada tingkah laku kita saat musibah menimpa kita.

Warga UniMAP yang dirahmati Allah.

Orang-orang yang sabar ketika ditimpa musibah akan memperolehi 3 kelebihan iaitu : selawat Allah keatasnya, rahmatnya dan petunjuknya. Ulama menjelaskan selawat Allah kepada orang yang sabar ialah Allah memuji orang tersebut dihadapan para malaikatnya yang suci.

Allah menurunkan beberapa ujian dan musibah dalam pelbagai bentuk kepada kita, ini semua ada sebab, tujuan dan rahsia disebaliknya dan hanya Allah sahaja yang mengetahui hakikatnya.

Biar apapun musibah yang menimpa kita, haruslah kita sentiasa tergolong dalam golongan orang-orang yang sabar, tabah, redha dan sentiasa bersyukur diatas ujian yang menimpa kita, kerana segala musibah yang ditimpakan oleh Allah kepada kita terkandung kebaikan kepada kita tanpa kita sedari.

**~Kamu sungguh-sungguh akan diuji terhadap hartamu dan dirimu. Dan (juga) kamu benar-benar akan mendengar dari orang-orang yang diberi al-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutukan Allah, gangguan yang banyak yang menyakitkan hati. Jika kamu bersabar dan bertakwa, maka sesungguhnya yang demikian itu termasuk urusan yang patut diutamakan [Ali 'Imran/3: 186]~**